

## Hati Budi Melayu dalam Skrip Drama Megat Terawis

Haliza Hamat\* dan Normahdiah Seikh Said

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji skrip drama Megat Terawis dari sudut Hati Budi Melayu dengan menggunakan 26 komponen teras Hati Budi Melayu oleh Hashim Musa. Pengkaji menggunakan kaedah kajian analisis teks terhadap kesemua dialog watak-watak yang terdapat dalam skrip drama Megat Terawis. Walau bagaimanapun, melalui kajian ini hanya 6 daripada 26 komponen Hati Budi Melayu yang paling menonjol dalam dialog watak-watak dalam skrip ini dipilih. Manakala 20 komponen lagi tidak begitu menonjol mungkin kerana panjang manuskrip yang agak terhad serta pengarang hanya ingin memfokuskan kepada kisah Megat Terawis menyelamatkan Puteri Limau Purut sahaja. Manuskrip Megat Terawis merupakan sebuah manuskrip yang berbentuk skrip drama pentas yang ditulis oleh Teh Fatimah pada tahun 1950. Manuskrip ini mengisahkan tentang Megat Terawis yang berasal dari Pagar Ruyung telah berjaya membantu Sultan Perak membawa pulang anaknya iaitu Puteri Limau Purut yang telah dilarikan ke Aceh.

Kata kunci: Hati budi, Megat Terawis, Manuskrip Melayu

### Title English

### ABSTRACT

The objective of this study is to analyze the Malay Character Traits (*Hati Budi Melayu*) by using 26 component by Hashim Musa. Researcher use textual analysis study method on all dialogues that occur in *Megat Terawis* manuscript. Through this study only 6 out of 26 component Malay Character Trait could be obtained in the characters's dialogue in this script. Meanwhile another 20 component was not really shown may be because the manuscript length is limited and the author only want to concentrate on the story about how *Megat Terawis* saves Puteri Limau Purut. *Megat Terawis* manuscript is a stage show script written by Teh Fatimah in the year 1950. This manuscript is about how *Megat Terawis*, which is from *Pagar Ruyung* have successfully helped the Sultan of Perak to bring home his child named Puteri Limau Purut that had been abducted to Aceh.

#### INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

haliza\_hamat@yahoo.com (Haliza Hamat),  
normahdiah@upm.edu.my (Normahdiah Seikh Said)

\*Penulis penghubung

Keywords: Malay Hati Budi, Megat Terawis, Malay manuscript

## PENDAHULUAN

Secara umumnya, manuskrip Melayu lama boleh didefinisikan sebagai sebuah karya dalam tulisan Jawi dan bertulisan tangan yang dihasilkan di antara kurun ke-16 hingga kurun ke-20. Dalam setiap manuskrip yang dihasilkan ilmuwan terdahulu mengandungi pelbagai ilmu yang merangkumi pelbagai bidang seperti sejarah, undang-undang, kitab agama, perubatan dan sebagainya. Hal ini menjadikan setiap manuskrip yang dihasilkan pada zaman tersebut tidak ternilai harganya. Ilmu yang dihasilkan dalam manuskrip Melayu dapat mencerminkan kekayaan pemikiran tamadun Melayu pada zaman tersebut. Melalui manuskrip juga kita dapat melihat gambaran kehidupan masyarakat zaman tersebut yang penuh dengan adab dan pemikiran yang dirakamkan ke dalam hikayat, syair, gurindam dan sebagainya.

Masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan adab dan hati budi yang tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui adat yang ditinggalkan oleh masyarakat yang terdahulu. Seperti yang terdapat dalam karya lisan masyarakat terdahulu contohnya, peribahasa dan puisi didapati bahawa sikap hidup bermasyarakat dan hormat menghormati di antara satu sama lain. Penyataan ini selaras dengan pendapat Nor Aina Dani (2011) yang menyatakan bahawa orang Melayu akan menjelmakan budi bahasa mereka melalui perbuatan, perkataan, sifat bersopan santun serta kebijaksanaan pemikirannya. Keadaan ini telah lama wujud dan diamalkan dalam masyarakat Melayu yang dapat dilihat melalui manuskrip-manuskrip lama seperti hikayat yang dihasilkan oleh masyarakat terdahulu dan terus diamalkan sehingga ke hari ini.

Dalam artikel ini, manuskrip *Megat Terawis (MT)* dipilih untuk melihat sejauh mana pengarang menerapkan unsur Hati Budi Melayu ke dalam skrip drama pentas. *MT* merupakan sebuah skrip drama pentas yang dikarang oleh Teh Fatimah pada tahun 1950. Ia mengisahkan tentang seorang pahlawan bernama Megat Terawis yang berjaya menyelamatkan anakanda Sultan Perak yang dilarikan ke Aceh dan akhirnya dilantik sebagai Bendahara Perak. Objektif kajian ini ialah untuk mengukur sejauh mana pengarang menerapkan Hati Budi Melayu dalam setiap watak yang terdapat dalam *MT* dengan menggunakan 26 komponen Hati Budi Melayu oleh Hashim Musa.

Menurut Sidek Baba (2009), seseorang yang tinggi hati budinya akan menggunakan bahasa yang santun, jelas dan beradab. Manakala seseorang yang mempunyai akal budi tinggi dan bermakna pula akan menggunakan kiasan, pantun, peribahasa dan lain-lain dalam tutur kata agar memberi kesan yang mendalam kepada orang lain. Walau bagaimanapun, menurut Hashim Hj Musa (2012) sifat ini boleh terhakis disebabkan oleh sifat dalam yang buruk, dan juga oleh pengaruh luaran yang asing, seperti yang pernah terjadi dalam sejarah yang telah menyebabkan kejauhan kerajaan Melaka.

## SOROTAN KAJIAN

Masyarakat Melayu sering dikaitkan dengan agama Islam sejak dahulu lagi. Agama Islam telah memberi pengaruh besar dalam kehidupan orang Melayu sama ada dalam bentuk lisan atau tingkah laku. Noriati A. Rashid (2005) dalam kajiannya menyatakan bahawa masyarakat Melayu sememangnya tinggi dengan tradisi hidup bermasyarakat. Hal ini dapat dilihat melalui pengucapan dalam bahan-bahan tradisi lisan dan rakyat seperti peribahasa,

puisi, dan naratifnya. Apabila budi digabungkan dengan bahasa pula lahirlah tutur kata yang baik serta sopan yang mampu melahirkan sifat hormat terhadap orang lain. Apabila ditambah pula dengan peraturan Islam menjadikan strategi berbahasa yang berhubung rapat antara Melayu dengan Allah.

Perkaitan antara agama Islam dengan masyarakat Melayu turut diperkatakan oleh Hashim Musa (2008) iaitu konsep kesantunan dan agama Islam merupakan dua perkara yang tidak dapat dipisahkan dalam masyarakat Melayu. Menurut beliau, sopan santun boleh didefinisikan sebagai halus budi bahasa dalam berkomunikasi untuk mengelakkan konflik antara penutur dengan pendengar di samping menjaga air mukanya. Tambahan pula, kesantunan bukan setakat etika dan moral sahaja tetapi sebahagian daripada akhlak seseorang. Menurut Noor Aina Dani (2011) melalui analisis kandungan terhadap buku *Malay Courtesy* turut menyatakan bahawa budi bahasa dan nilai murni orang Melayu adalah berasaskan agama Islam dan warisan kebudayaan mereka dan beliau mendapati bahawa orang Melayu menjelmakan sihat budi bahasa melalui tatatertib, perbuatan kebijakan, sopan santun, pertuturan dan kebijaksanaan.

Hashim Musa *et al.* (2012) pula menyatakan bahawa dalam masyarakat Melayu Islam, orang yang ‘budiman’ dianggap mempunyai nilai etika, moral dan akhlak yang tinggi serta dipandang mulia oleh masyarakat. Tiga sifat utama yang dimiliki oleh orang ‘budiman’ ialah pertama, mempunyai budi pekerti dan adab sopan yang mulia kedua, budi bahasa dan budi bicara yang bernas dan yang ketiga, hati budi yang tinggi, akal fikiran dan hati kalbu yang sarat dengan ilmu, kebijaksanaan, dan kebaikan. Norazlina Kiram dan Raja Masittah (2012) pula menyatakan bahawa kesantunan berbahasa dalam masyarakat Melayu dapat dilihat melalui bahasa lisan, tingkah laku dan sikap penutur. Sememangnya masyarakat Melayu terkenal dengan sikap lemah lembut dalam banyak perkara. Namun, sikap ini jarang ditunjukkan dalam hal-hal yang melibatkan harga diri, status dan maruah. Ini kerana mereka sanggup bertindak langsung jika maruah diri dan keluarga diaibkan.

## METODOLOGI

Kaedah utama dalam kajian ini ialah kaedah analisis kandungan (*Content Analysis Method*). Bahan untuk kajian ini ialah skrip drama *Megat Terawis* yang merupakan hasil karangan Teh Fatimah. Ia telah dikarang oleh Teh Fatimah sendiri pada tahun 1950, berbentuk skrip drama pentas yang telah berjaya dilakukan pada tahun yang sama. Skrip ini telah diperolehi daripada bahagian manuskrip Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Menurut Teh Fatimah (1950:1), tujuan utama penulisan manuskrip ini ialah untuk memulihkan semula adat resam dan bahasa Perak jati.

Terdapat pelbagai versi yang menceritakan tentang Megat Terawis, namun dalam manuskrip ini diceritakan bahawa Megat Terawis berasal dari Pagar Ruyung dan menetap di Perak. Disebabkan jasanya kepada Sultan Perak, beliau telah dilantik sebagai bendahara oleh Sultan Perak dan seterusnya menjadi orang pertama yang bergelar Bendahara Perak. Terdapat juga sebuah filem bertajuk Megat Terawis yang telah dilakukan oleh Hashimah Yon, Ahmad Mahmud, Jins Samsuddin, Normadiah dan lain-lain. Walau bagaimanapun, filem ini adalah berbeza dengan skrip drama pentas karangan Teh Fatimah ini.

Untuk mendapatkan data, kesemua dialog yang terdapat dalam manuskrip *MT* akan dianalisis dan dikenalpasti berdasarkan 26 komponen Hati Budi Melayu oleh Hashim Haji Musa. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan menekankan kepada 6 komponen yang paling menonjol sahaja. Menurut Hashim Musa (2008), kerangka Hati Budi Melayu yang menjadi asas kekuatan Melayu itu mengandungi tiga komponen utama, iaitu:

1. Komponen epistemologi atau ilmu pengetahuan yang boleh diistilahkan secara mudah sebagai faham ilmu.
2. Komponen pandangan alam semesta worldview atau faham alam.
3. Komponen nilai dan akhlak atau faham nilai.

(Hashim Musa, 2008:18)

Ketiga-tiga komponen tersebut seterusnya dianalisis dan menghasilkan 26 komponen teras Hati Budi Melayu yang melibatkan perbuatan, pertuturan dan sikap yang seterusnya melahirkan masyarakat Melayu yang dapat memberi sumbangan kepada bangsa dan negara. 26 komponen tersebut ialah:

1. Hidup berteraskan agama islam
2. Pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwal dan beramal.
3. Nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu.
4. Taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka
5. Setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar.
6. Halus budi bahasa dan budi pekerti.
7. Sentiasa bermuafakat, bertegang rasa, tolong menolong dan mengutamakan kebijakan umum dan hidup bermasyarakat.
8. Hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu.
9. Sederhana bukan ekstrimis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas.
10. Sangat prihatin tentang harga diri dan maruah yang terjelma istilah “menjaga air muka” dan “rasa malu yang mendalam”.
11. Tahu tempat dan letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya.
12. Membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan.
13. Menanam budi dan membalas budi.
14. Sifat pemaaf dan pemurah
15. Sifat kasih sayang
16. Hidup sederhana.

17. Ikhlas dan rela berkorban.
18. Sikap berdikari
19. Menghormati hak dan milik.
20. Kejujuran dan keikhlasan.
21. Berbaik sangka sesama makhluk
22. Sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang.
23. Sifat amanah
24. Memanfaatkan waktu, tidak membuang masa.
25. Memandang masa depan.
26. Mensyukuri nikmat Allah.

(Hashim Musa, 2008:7-12)

## **HATI BUDI MELAYU DALAM SKRIP DRAMA MEGAT TERAWIS**

### **Hidup berteraskan agama Islam**

Selepas kedatangan islam ke Alam Melayu, kehidupan masyarakat Melayu telah dipengaruhi oleh agama Islam. Segala adat resam telah di ubah suai agar bersesuaian dengan tuntutan Islam. Dalam kajian ini juga turut memperlihatkan kehidupan masyarakat yang dipengaruhi oleh agama Islam. Walaupun berlakunya pertembungan budaya dan penyerapan beberapa unsur asing dalam sistem sosialnya, namun selagi budaya tidak bercanggah dengan agama Islam maka budaya itu diterima dan dijadikan sebagai sebahagian daripada budayanya sendiri (Mohd. Aris dan Ahmad, 2012:2). Perkaitan yang rapat antara agama Islam dengan masyarakat Melayu menyebabkan Siti Sarah *et. al* (2012:31) mentafsirkan bahawa seseorang Melayu itu boleh dipanggil Melayu jika mereka beragama Islam.

Contoh kebergantungan watak-watak dalam *MT* terhadap Allah S.W.T dan agama Islam dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah:

Sultan Perak: Hai dayang! Dah jauh malam agaknya dayang. Lemah  
rasanya anggota beta mengenangkan hal Tuan Puteri Limau  
Purut beta yang telah dilarikan oleh Raja Aceh itu. Raja  
Aceh raja yang tidak menimbang rasa. Tiap-tiap suatu ada  
balasannya;

Ya Allah tuhan Rabbani, Apakah kazha jadi begini,  
Sekianlah balasan hamba-Mu ini,  
Lemah rasanya jasad insani.  
Sungguh beta raja bertakhta,  
Puteriku ghaib hilang dimata  
Malu menimpa hina dan lita  
*Kepada Allah kuserahkan nyata.*

Ketua dayang (menyembah): Ampun tuanku; hari dah lampau tengah malam, tuanku. Silalah tuanku beradu; Tak usahlah dikenangkan hal paduka anakanda itu; *serahkan sahajalah kepada Allah Taala*. Mudah-mudahan dengan pertolongan tuhan, berkat daulat yang maha mulia, yang pipih datang melayang, yang bulat datang mengguling, tuanku.

(MT:13-14)

Dalam petikan ini dapat dilihat bahawa kedua-dua watak menunjukkan wujudnya kebergantungan kepada agama Islam. Dialog Sultan Perak di atas dapat dilihat bahawa penggunaan ayat “kepada Allah ku serahkan nyata”. Melalui ayat ini menunjukkan bahawa tiada apa yang mampu Sultan Perak lakukan tentang puteri baginda yang telah dibawa lari ke negeri Aceh kecuali berserah kepada Allah kerana Allah yang Maha berkuasa.

Seterusnya, dalam dialog yang dituturkan oleh Ketua Dayang juga turut mengandungi ayat yang berteraskan agama Islam iaitu “serahkan sahajalah kepada Allah Taala”. Melalui dialog ini turut menunjukkan bahawa Ketua Dayang sedang memujuk Sultan Perak supaya beradu dan menyerahkan hal anakanda baginda kepada Allah.

### **Setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar**

Sejak zaman dahulu lagi masyarakat Melayu terkenal dengan sikap taat kepada raja, pemerintah atau ketua. Ekoran daripada itu, maka wujudlah konsep daulat dan derhaka. Konsep ini seterusnya dipegang oleh masyarakat Melayu sehingga hari ini yang membuktikan bahawa masyarakat Melayu menghormati pemimpin dan taat setia kepada pemimpin menjadi sebahagian daripada adat dan budayanya.

Dalam skrip MT turut memperlihatkan tentang budaya masyarakat Melayu yang setia kepada ketua yang adil dan terpuji. Contohnya dalam petikan dibawah:

*Megat Terawis (menyembah):*

*Ampun tuanku raja berdaulat,  
Patik umpama seekor lalat,  
Titah dijunjung tiadalah ralat,  
Acheh dilanggar tiada beralat.*

*Ampun tuanku mahkota negara,  
Ke negeri Aceh patik mengembara,  
Puteri anakanda dibawa segera,  
Patik kembali digelar bendahara.*

*Ampun tuanku raja maulana,  
Patik pohonkan keris sempana,  
Tiga orang kawan yang bijaksana,  
Orang pandai bertutur karna.*

(MT: 27)

Konsep daulat dan derhaka ini dipercayai bermula apabila berlakunya perjanjian dan bersumpah taat setia antara Demang Lebar Daun dengan Sri Tri Buana. Dalam perjanjian ini, Sri Tri Buana sebagai raja meminta supaya keturunan Demang Lebar Daun sebagai hamba untuk tidak derhaka kepada keturunannya sebagai pemerintah. Jikalau tidak, keturunan Demang Lebar Daun akan ditimpak bala.

*“Titah baginda, “Barang siapa hamba Melayu derhaka mengubahkan perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbungan rumahnya ke bawah kaki ke atas.” Maka sembah Demang Lebar Daun, “Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya.”*

(Sulalatus Salatin:24)

Berdasarkan konsep inilah masyarakat Melayu zaman dahulu sangat taat kepada pemerintah. Setiap arahan yang dikeluarkan oleh raja jarang sekali diingkar. Manakala sesiapa yang mengingkar arahan raja pula akan dianggap penderhaka dan akan dijatuhi hukuman. Hal ini juga merupakan faktor yang menyebabkan Megat Terawis patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh Sultan Perak.

Hubungan antara pemerintah dan rakyat dalam masyarakat Melayu lama turut dihuraikan oleh Nurulhayati Zulfadinamis dan Che Ibrahim Salleh (2012:310) iaitu bentuk organisasi sosialnya dibahagikan kepada golongan kelas atasan, iaitu pemerintah yang terdiri daripada raja atau sultan, pembesar daerah, serta penghulu manakala di satu pihak ialah golongan kelas rakyat biasa dan hamba yang diperintah oleh satu pihak yang lain. Hubungan antara kedua-dua golongan ini ialah hubungan timbal balik.

Dalam petikan dialog *MT* di atas menunjukkan bahawa Megat Terawis sedia mengikut arahan Sultan Perak supaya ke Aceh untuk membawa pulang anakandanya iaitu Puteri Limau Purut kembali ke negeri Perak. Walaupun Megat Terawis baru pertama kali berjumpa dengan Sultan Perak, namun beliau tetap menjunjung titah yang disampaikan oleh Sultan Perak memandangkan beliau merupakan daripada golongan bawahan. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sangat setia dengan ketua terutama sekali raja. Setiap arahan yang dikeluarkan oleh raja tidak boleh dibantah sesuka hati.

### **Halus budi bahasa dan budi pekerti**

Masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan mempunyai sikap halus budi bahasa yang menjadi tuntutan dalam agama Islam. Hal ini seperti yang pendapat yang dikemukakan oleh Zainal Kling (1980) dalam Noriati A. Rashid (2005:234), dalam masyarakat Melayu, ciri-ciri Islam menjadi asas kelakuan dan tindakan, bentuk dan hubungan, inti sari nilai, sikap, dan pandangan. Pendapat ini selari dengan penyataan yang dikemukakan oleh Noor Aina Dani (2011:132) iaitu budi bahasa dan nilai orang Melayu adalah berdasarkan agama Islam dan warisan kebudayaan mereka.

Norazlina Mohd. Kiram *et al.* (2010:215) pula menyatakan bahawa orang yang berbudi bahasa, berbudi mulia dan bersopan dalam berbahasa diberi nilai yang sangat tinggi. Seterusnya, *MT* turut memperlihatkan komponen halus budi bahasa dan budi pekerti. Hal

ini kerana kesantunan budi bahasa telah menjadi darah daging masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi dan menjadi lambang jati diri bangsa Melayu.

Megat Terawis: Bahpulu, teman nak pergi la dah, kalu nasib teman baik,  
dibelalah dikeraje, mikeme tu takkan teman lupekan.

Orang darat: Baiklah Tok Megat, itulah yang nak kita cari pun, dikasih  
raja, kurang tapak tangan nyiru ditadahkan; kalu ada sesak  
sempit sima, datanglah sima mengadukan hal kepada Tok  
Megat.

(MT:21-22)

Dalam petikan diatas menunjukkan dialog di antara Megat Terawis dengan orang darat sewaktu Megat Terawis bersedia untuk mengikut menteri ke istana. Melalui dialog ini Megat Terawis telah berpesan kepada orang darat bahawa beliau telah bersedia untuk pergi mengadap raja dan jika bernasib baik, beliau akan dijaga oleh Sultan Perak. Seterusnya, orang darat turut membalas dengan menggunakan bahasa yang halus untuk menyatakan kepada Megat Terawis bahawa suatu hari nanti dia mungkin akan datang meminta tolong Megat Terawis jika dia ditimpa kesusahan.

### **Sangat prihatin tentang harga diri dan maruah yang terjelma istilah “menjaga air muka” dan “rasa malu yang mendalam”**

Secara mudahnya istilah menjaga air muka boleh didefinisikan sebagai menjaga maruah dan perasaan orang lain. Dalam budaya masyarakat Melayu, maruah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan menyebabkan mereka lebih mengutamakan perasaan orang lain dalam pelbagai keadaan. Sikap bertimbang rasa menjadikan masyarakat Melayu tidak mementingkan perasaan diri sendiri semata-mata. Walau bagaimanapun, dalam mementingkan perasaan orang lain, orang Melayu masih lagi mementingkan maruah diri sendiri dan keluarga.

Norazlina Hj Mohd. Kiram dan Raja Masittah Raja Ariffin (2012:294) menjelaskan bahawa dalam tingkah laku, antara perkara yang amat dititikberatkan ialah penjagaan dan pengurusan air muka yang dihubungkaitkan dengan konsep malu. Kesan negatif akan menjelaskan nama baik, bukan sahaja kepada individu tersebut tetapi juga keluarga dan sanak saudara. Manakala Noriati A. Rashid (2005:238) pula menghuraikan bahawa malu juga boleh berpunca daripada penggunaan bahasa kerana sewaktu berinteraksi, orang Melayu ditegah sama sekali menghina dan merendah-rendahkan peribadi seseorang. Perkataan yang keluar dari bibirnya hendaklah santun, tidak mengandungi unsur-unsur yang memalukan diri, keluarga dan pihak lain walaupun sewaktu menyatakan sesuatu yang benar.

Ketidakprihatinan dalam menjaga air muka orang lain dalam masyarakat Melayu boleh menjadi suatu aib dan isu yang besar. Seperti juga dalam *MT*, pengarang juga turut menonjolkan aspek penekanan terhadap malu dan aib.

Sultan Perak: Megat Terawis saudara beta,  
Dengarkan madah segala berita.

Megat Terawis gagah terbilang,  
Sifatmu lengkap jadi hulubalang,  
Ambilkan puteri dibawa pulang.  
Menggelarkan bendahara tidak ku walang.

Ambil puteri seri mahkota,  
Di negeri Acheh tempat yang nyata,  
Puteri Limau Purut anakanda beta,  
Balaskan malu aib dan lata.

(MT:26)

Pentingnya malu dan aib dalam *MT* dapat dilihat seperti dalam contoh petikan diatas. Petikan dialog Sultan Perak diatas menunjukkan bahawa Sultan Perak sangat mementingkan maruahnya. Hal ini dapat dibuktikan melalui ayat yang dituturkannya, “*Ambil puteri seri mahkota, Di negeri Acheh tempat yang nyata, Puteri Limau Purut anakanda beta, Balaskan malu aib dan lata*”. Melalui ayat ini, Sultan Perak telah menitahkan Megat Terawis supaya pergi ke Acheh untuk membawa pulang Puteri Limau Purut serta membalaas malu yang diterima oleh baginda.

Peristiwa negeri Perak yang telah diserang oleh Acheh dan Puteri Limau Purut dibawa lari menyebabkan Sultan Perak menanggung malu dan aib kerana seolah-olah baginda lemah dan tidak mampu melindungi anakandanya serta negeri Perak. Ekoran daripada itulah baginda menitahkan agar Megat Terawis membalaas aib yang telah menimpa dirinya bukan sahaja membawa pulang Puteri Limau Purut.

### **Menanam budi dan membalaas budi**

Masyarakat Melayu sering dikaitkan dengan budi dan amalan membalaas budi amat penting kerana ia dapat mewujudkan semangat kerjasama dalam masyarakat. Dalam *MT* juga tidak terkecuali dengan memasukkan unsur membalaas budi seperti dalam contoh petikan di bawah:

Sultan Perak: Benar kata Bendahara Garang,  
Sembana itu akalnya kurang.

*Ayahanda anakanda sama terhutang,*  
*Kepada bendahara baharu datang,*  
*Semujurlah tiada aral melintang,*  
*Dengan ayahanda dapat bertentang*

...

Puteri Limau Purut:  
*Terima kasih memanda Bendahara,  
Tidak terbalas budi bicara,  
Melepaskan beta daripada mara,  
Balik ke Perak berjumpa saudara.*

(MT:72-73)

Dalam petikan di atas dapat dilihat dialog diantara Sultan Perak dan anakandanya iaitu Puteri Limau Purut setelah selamat pulang ke negeri Perak. Melalui dialog ni Sultan Perak menyatakan bahawa mereka terhutang budi dengan Megat Terawis yang telah berjaya membawa Puteri Limau Purut pulang ke Perak dengan selamat. Hal ini boleh dilihat pada ayat yang dituturkan oleh Sultan Perak, “*Ayahanda anakanda sama terhutang, Kepada bendahara baharu datang...*”. Perkataan “terhutang” yang dimaksudkan oleh Sultan Perak dalam petikan di atas merujuk kepada terhutang budi pada Megat Terawis.

Walaupun kedudukan Sultan Perak dan Puteri Limau Purut lebih tinggi berbanding Megat Terawis namun ia tidak menghalang mereka dari merasa terhutang budi pada Megat Terawis. Seterusnya, Puteri Limau Purut pula dilihat turut terasa terhutang budi pada Megat Terawis. Ia dapat dilihat melalui ayat yang dituturkan oleh Puteri Limau Purut, “*Terima kasih memanda Bendahara, tidak terbalas budi bicara, melepaskan beta daripada mara, balik ke Perak berjumpa saudara*”.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kebudayaan sesebuah masyarakat boleh dilihat melalui cara hidup mereka iaitu dari segi sosial, politik, ekonomi dan agama. Melalui kajian ini dapat dilihat bahawa 6 daripada 26 komponen Hati Budi Melayu boleh didapati dalam manuskrip MT. Keadaan ini dapat menggambarkan masyarakat Melayu pada zaman tersebut masih tinggi dengan jati diri mereka sebagai seorang yang berbangsa Melayu. Manakala baki 20 lagi komponen tidak begitu menonjol penggunaannya oleh pengarang manuskrip ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Yang pertama mungkin disebabkan panjang manuskrip ini yang agak terhad kerana manuskrip ini merupakan skrip drama pentas yang lakonannya dalam tempoh waktu yang agak terhad menyebabkan hanya lakonan tertentu sahaja boleh diceritakan. Manakala faktor kedua pula mungkin disebabkan pengarang perlu menfokuskan kepada kisah Megat Terawis yang menyelamatkan Puteri Limau Purut dan bagaimana beliau dilantik menjadi bendahara sahaja menyebabkan pengarang tidak menceritakan sosiobudaya masyarakat Melayu secara terperinci.

Melalui kajian ini juga dapat dilihat agama Islam memainkan pengaruh yang dominan dalam kehidupan masyarakat Melayu zaman dahulu. Masyarakat Melayu sememangnya dipenuhi dengan adat dan pantang larang yang tersendiri. Namun, setelah Islam mula bertapak di Alam Melayu, adat-adat tersebut telah diubahsuai agar tidak bertentangan dengan agama Islam. Manakala adat yang tidak bertentangan pula terus diamalkan oleh mereka. Orang Melayu juga terkenal dengan sikap autoritarian iaitu sikap golongan bawahan taat dan hormat golongan atasan contohnya anak hormat dan taat kepada ibubapa


dan rakyat taat kepada pemerintah. Seperti dalam kajian ini dapat dilihat Puteri Limau Purut taat kepada ayahandanya iaitu Sultan Perak dan Megat Terawis taat kepada raja iaitu Sultan Perak.


Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa karya sesuatu bangsa dapat menggambarkan kehidupan dan hati budi bangsa tersebut. Oleh itu, diharapkan kajian seperti ini dapat dilakukan terhadap karya bertulis ataupun berbentuk lakonan yang dihasilkan oleh masyarakat hari ini. Hal ini bertujuan untuk mengukur sejauhmana penggunaan hati budi Melayu memandangkan orang Melayu telah terdedah dengan dunia luar seperti pengaruh barat. Melalui cara ini juga diharapkan karyawan hari ini dapat menerapkan 26 teras hati Budi Melayu ini ke dalam setiap karya mereka agar dapat mengembalikan jati diri Melayu seterusnya dapat dihayati oleh individu dan masyarakat seperti orang Melayu dahulu.

## BIBLIOGRAFI

- Hashim Hj Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi dan Siti Sarah Ab Karim (2012). *Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang*. Gema Online Jurnal of Language Studies Volume 12(1). 163-182.
- Hashim Hj. Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Hj. Musa. (2010). Pemerkasaan dan Integrasi Masyarakat Malaysia melalui Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Antarabangsa Psikolinguistik II: Bahasa Pemikiran dan Integrasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia. hlm. 268-278.
- Noor Aini Dani. (2011). *Aplikasi kaedah analisis Kandungan: Gambaran Budi Bahasa dan Nilai Murni Orang Melayu dalam Buku Malay Courtesy*. Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation. 29(1), 121-136.
- Norazlina Mohd Kiram & Raja Masittah Raja Ariffin. (2012). Kesantunan Berbahasa Orang Melayu menerusi Gaya Pengurusan Air Muka dalam Saga: Aplikasi Teori Ting- Toomey, *Jurnal Bahasa*: 12 (2), 284-300.
- Norazlina Mohd. Kiram, Hasnah Mohamad dan Hajah Nor Azuwan Yaakob (2010). *Adat Melayu Pengungkap Jati Diri Melayu*. Melayu dalam Cabaran. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. 210-221.
- Noriati A. Rashid. (2005). Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajaran Melayu*. Jilid 15, 232-253.
- Nurulhayati Zulfadinamis & Che Ibrahim Salleh. (2010). Pemikiran Melayu dalam Hikayat Merong Mahawangsa. Manifestasi Bahasa dalam Budaya. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. 304-330.
- Sidek Baba. (2009). *Melayu Perkasa*. Selangor. Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Siti Sarah Ab Karim, Normahdiah Sheik Said, Hashim Musa dan Rozita Che Rodi (2010). Hati Budi Melayu Penting untuk Kesinambungan Bangsa dan Budaya. Manifestasi Bahasa dalam Budaya. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. 28-45.
- Sulalatus Salatin (1979). Peny. A.Samad Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## LAMPIRAN





## DOKUMENTASI

فندھولوان

اد فون بیکو مکن نزاوس این نله دکارنکن کردن هندف بهوسون  
سرات چرپنا بخ ترجادي دلم ناکری خلاف .  
ملک دغنا سبب بتزان دان دنجهعن بخ تله دبری اوله بخ برجنده  
تزان ای، سی، هیکس نزیر آگون سکوله غیره، چرپنا این نله برجای  
دلاکریکن دلای ناهون ۱۹۵۵ اوله اهلیه کلب غرما بشن کوروه بلاین اینوه،  
کردن گوینده دریا اندوفه :

١. يوم بيسيتي اوف ملايا كلب فن
  ٢. ابغوه لبيروري بيلد يغ فن
  ٣. كلب فريائين ثم ترسبيون

ماده افبيل نلاه ترازور دان ترسوسون نزور بيماس عاده، رسه، كرفه - كريج تركندوغ دالمن، ماده نولنه د جاد يكن چرين  
سماح سترومن دجاد يكن بوكويغ آكن دباج اوله بيد، سکوله  
ملابو هامن دان اورغه رامي عافن. توکر اين مولېيکن سوولا عاده رسه  
رسوسون نزور بيماس ملابو قېرقا جايپ دله فرنكائ سلوکا شعيبو دان  
ۋىئاته. بېكىتىر جوزى ئىچ دىكتائىن ھەمەن - ھەممەن، سەغا لەتكە دان كرف  
ئىچ ساغىن، دغىچىپاڭ اوله اورغه ملابو زيان دھولوكالا. دەھەدەن دغىز  
ادان بوكويغ كېجلائىن بىناڭلەن ھېلىغ لېن عاده بيماس كىسبەن ملابو قېرق  
سەفت ھۇمن جاتقۇه كفاسىپىن